

# 'Jurulatih sukan kerjaya idaman saya'



» Pasangan kembar Husniah, Husna pasang impian wakili negara ke Sukan Komanwel 2018

Oleh Mohd Khairie Khalid  
khairie@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jika semua perancangan berjalan lancar, matlamatnya pasangan kembar ini adalah untuk mewakili negara ke temasya Sukan Komanwel 2018.

Baginya bukan mudah hendak mencapai impian itu kerana menyifatkan dirinya masih muda dan mentah jika dibandingkan dengan atlet lain yang lebih senior serta berpengalaman.

"Apa yang bermain di fikiran saya sekarang adalah mewakili negara ke sukan Komanwel kerana belum pernah lagi layak menjadi peserta. Untuk itu, saya perlu lakukan secara berperingkat dan tidak boleh tergesa-gesa.

"Apabila layak baru saya akan fikir apa perlu saya buat tapi dalam masa sama saya juga bercita-cita menjadi seorang jurulatih sukan, sesuai dengan jurusan Pendidikan Jasmani yang saya ambil sekarang di Universiti Putra Malaysia (UPM)," kata atlet olahraga kebangsaan, Zaidatul Husniah Zulkifli, 22, ketika menceritakan mengenai perancangan masa depannya.

Zaidatul Husniah atau digelar adik di kalangan keluarga adalah pasangan kembar bersama Zaidatul Husna Zulkifli.

Husniah dilahirkan 15 minit selepas kakaknya di Hospital

Besar Alor Star, Kedah, dan kedua-dua mereka kini adalah atlet kebangsaan.

## Usah ponteng latihan

Baru-baru ini Husniah meraih pingat perak acara 100 dan 200 meter (m) Sukan Universiti ASEANke-17 (AUG), di Palembang sekali gus layak secara automatik ke Sukan SEA, Singapura, Jun ini.

"Bagi lebih berjaya untuk mendapatkan kerlipan pingat lebih baik, saya akan mula buat perediaan awal kerana tinggal lagi beberapa bulan sebelum berlepas ke Sukan SEA, Singapura.

"Selain itu, dalam mengejar cita-cita, saya mengamalkan prinsip berusaha dengan gigih dan paling penting jangan ada niat untuk sesekali ponteng latihan. Dan segala imbuhan yang diberikan persatuan juga meningkatkan semangat untuk terus berjuang," katanya.

Husniah yang menganggap dirinya masih baharu menjadikan bintang negara suatu ketika dahulu, Shanti Govindasamy sebagai idola untuk memacu kejayaan peribadi.

"Saya suka lariannya dan kalau boleh nak rakamkan masa lebih pantas agar mampu menggegarkan arena olahraga dunia.

"Harapan lain saya adalah untuk menjadi seorang atlet yang menyumbang kepada agama, bangsa dan negara," katanya yang dibawah kendalian Robert Ballard.



Zaidatul Husniah (kanan) memenangi emas dan Zaidatul Husna memperoleh pingat gangsa dalam acara 100m wanita akhir semasa Sukan Malaysia (SUKMA) XVII, Perlis 2014.



Zaidatul Husna (kanan) dan Zaidatul Husniah ketika program orientasi pelajar baru 2014/2015 di UPM Serdang.



Zaidatul Husniah (dua kanan) menjuarai pingat emas manakala kakaknya, Zaidatul Husna (dua kiri) menang gangsa dalam acara 200m SUKMA XVII, Perlis. Perak dimenangi Kang Woan Yin (kanan).

## BIODATA

### Zaidatul Husniah Zulkifli

- ⊙ **Umur:** 22 tahun
- ⊙ **Tempat lahir:** Hospital Besar Alor Star, Kedah
- ⊙ **Nama ibu bapa:** Zalmah Ibrahim dan Zulkifli Hassan
- ⊙ **Tarikh lahir:** 20 Ogos 1993
- ⊙ **Nama adik beradik:** Zaidatul Husna Zulkifli (kembar kakak).
- ⊙ **Pendidikan:**
  - Sekolah Kebangsaan Seri Relau, Pulau Pinang
  - Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian (tingkatan 1 hingga 3)
  - Sekolah Sukan Bukit Jalil (tingkatan 4 hingga PRA Universiti)
  - Ijazah Pendidikan Jasmani, Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
- ⊙ **Pencapaian 2014:**
  - Sukan Malaysia (SUKMA), Perlis**
    - Pingat emas acara 100 meter (m)
    - Pingat emas acara 200m
  - Terbuka Malaysia, Perlis**
    - Pingat emas acara 200m
    - Pingat perak acara 100m
  - Sukan Universiti ASEAN, Palembang, Indonesia**
    - Pingat perak acara 100m
    - Pingat perak acara 200m dan 200m
- ⊙ **2013**
  - Sukan SEA, Myanmar**
    - Peringkat akhir acara 4x100m
  - Kejohanan Olahraga Asian, India**
    - Separuh akhir 100m
- ⊙ **2012**
  - Sukan Malaysia (SUKMA), Pahang**
    - Pingat emas acara 100m
    - Pingat emas acara 200m
  - Kejohanan Remaja Asian, Sri Langka**
    - Separuh akhir acara 100m

### Zaidatul Husna Zulkifli (kembar)

- Pendidikan:**
  - Sekolah Kebangsaan Seri Relau, Pulau Pinang
  - Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Impian (tingkatan 1 hingga 3)
  - Sekolah Sukan Bukit Jalil (tingkatan 4 hingga PRA Universiti)
  - Ijazah Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- ⊙ **Pencapaian:**
  - 2014 (SUKMA Perlis)**
    - Pingat gangsa acara 100m
    - Pingat gangsa acara 200m
  - Sukan Universiti ASEAN, Palembang, Indonesia**
    - Pusingan akhir acara 100m
  - 2013 Sukan SEA, Myanmar**
    - Pusingan akhir acara 100m
  - Kejohanan Universiti Dunia, Rusia**
    - Separuh akhir acara 100m
  - 2011 Sukan SEA, Palembang**
    - Final 4x100m